

ELLYG CORNS & WARTS TREATMENT SOLUTION

Salicylic Acid (17%w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ELLGY CORNS & WARTS
2. Bagaimana ELLGY CORNS & WARTS berfungsi
3. Sebelum mengambil ELLGY CORNS & WARTS
4. Cara menggunakan ELLGY CORNS & WARTS
5. Semasa menggunakan ELLGY CORNS & WARTS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ELLGY CORNS & WARTS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang ELLGY CORNS & WARTS. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil ELLGY CORNS & WARTS berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan ELLGY CORNS & WARTS

ELLYG CORNS & WARTS digunakan untuk merawat ketuat and kalus.

Bagaimana ELLGY CORNS & WARTS berfungsi

ELLYG CORNS & WARTS mengandungi bahan aktif *Salicylic Acid*. Setiap botol mengandungi *Salicylic Acid* 17%w/v.

Salicylic Acid adalah keratolitik, dengan melembutkan keratin, sejenis protein yang membentuk sebahagian daripada struktur kulit. Ini membantu untuk melembutkan kulit kering bersisik dan menjadikan ia lebih mudah untuk dikeluarkan.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum mengguna ELLGY CORNS & WARTS

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ELLGY CORNS & WARTS sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) kepada *Salicylic Acid* atau bahan-bahan lain. Produk ini mungkin mengandungi bahan-bahan tidak aktif yang boleh menyebabkan alahan atau masalah lain.

-Sebelum mula mengambil

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda mempunyai keadaan perubatan tertentu. Sebelum menggunakan ubat ini, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai: kencing manis, peredaran darah yang lemah (contohnya, penyakit vaskular periferal), dan jangkitan kulit yang mengakibatkan kegatalan.

Kehamilan dan Penyusuan:

- Tiada rekod menunjukkan ubat ini selamat digunakan semasa

kehamilan dan laktasi (penyusuan).

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusui.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Cara menggunakan ELLGY CORNS & WARTS

-Berapa banyak harus digunakan

Sapukan satu lapis film ELLGY CORNS & WARTS pada bahagian yang terjejas dengan menggunakan aplikator plastik dari botol.

Meneruskan rawatan dua kali sehari dengan ELLGY CORNS & WARTS sehingga ketuat/kalus telah dibersihkan dan garisan rabung kulit telah dirawat.

-Bila perlu digunakan

Apabila kalus and ketuat muncul. Pastikan bahagian terjejas bersih dan kering sebelum mengguna.

-Berapa lama perlu digunakan

Tiada perawat segera. Masa rawatan biasa adalah 6 hingga 12 minggu. Kegigihan dengan rawatan dan kesabaran adalah penting.

-Jika terlupa menggunakan

Sapukan ubat ini secepat mungkin dan kemudian terus rawatan anda seperti biasa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Tiada maklumat yang berkenaan dengan berlebihan penggunaan topikal.

Semasa menggunakan ELLGY CORNS & WARTS

-Perkara yang perlu dilakukan

Untuk kesan yang terbaik:

Langkah 1:

Rendam kalus/ketuat di dalam air suam, selama 5 minit, keringkan kawasan tersebut dengan tuala.

Langkah 2:

Gunakan 1 batu punis atau manicure ampelas dan gosok dengan teliiti sepanjang permukaan kalus/ ketuat.

Langkah 3:

Sapukan satu lapis film ELLGY CORNS & WARTS pada bahagian yang terjejas dengan menggunakan aplikator plastik dari botol. Elakkan sapuan pada sekitar kulit yang normal.

Langkah 4:

Tutup dengan plaster selepas sapuan ELLGY CORNS & WARTS kering.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan jika anda dikenali hipersensitif kepada *Salicylid Acid* atau mana-mana bahan ramuan.

Berhenti menggunakan ELLGY CORNS & WARTS jika mana-mana kerengsaan berlaku, kembali kegunaan seperti atas selepas kerengsaan berhenti. Jika ia tidak menjadi lebih baik dalam tempoh 48 jam atau jika ia semakin teruk, dapatkan rawatan perubatan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan gunakan jika anda mempunyai kencing manis atau mempunyai predearan terjejas kecuali di bawah pengawasan atau cadangan dari doktor.

Jangan merawat kalus and ketuat di kawasan yang besar pada satu-satu masa.

Jangan gunakan pada tahi lalat, tanda lahir atau ketumbuhan kulit yang luar biasa, berhampiran mata atau pada membran mukus.

Elakkan daripada mata. Jika ELLGY CORNS & WARTS termasuk dalam mata atau membran mukus, cuci dengan air untuk sekurang-kurangnya 15 minit dan hubungi doktor perubatan anda.

Kesan-kesan sampingan

ELLGY CORNS & WARTS boleh mendatangkan kesan sampingan yang tidak diingini pada segelintir orang. Semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. Kadang kala ia serius, walau bagaimanapun, kebiasaannya ia tidak serius.

Persediaan *Salicylic Acid* boleh menyebabkan dermatitis.

Hentikan pengambilan ubat ini dan maklumkan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya mengalami kesan sampingan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan ELLGY CORNS & WARTS

-Penyimpanan

Simpan di tempat kering dan di bawah suhu 30°C.

Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna

ELLGY CORNS & WARTS adalah cecair jernih dan tidak berwarna, dengan bau berciri.

ELLGY CORNS & WARTS boleh didapati dalam 10ml botol kaca ambar.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:

Salicylid Acid 17% w/v

Bahan-bahan tidak aktif:

Lactic Acid 90%, *Ethylcellulose*, *Acrylates/Octylacrylamide Copolymer* dan *Isopropyl Alcohol*

Nombor MAL: MAL09061603X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

22/01/2021

Nombor siri

NPRA(R4/1)220518/00166